

27/11/1998

PM terima Anugerah IT Asocio

Jamhariah Jaafar

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima Anugerah Teknologi Maklumat (IT) Pertubuhan Industri Komputer Asia-Oceania (Asocio) 1998 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen beliau mempromosi serta membangunkan industri IT di negara ini.

Anugerah itu disampaikan kepada Perdana Menteri oleh Presiden Asocio, Dr F C Kohli, pada majlis jamuan anjuran Asocio dan Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) di sini, malam ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Pikom, Shaifubahrim Saleh.

Anugerah itu diberi kepada tokoh di sesebuah negara tuan rumah Asocio yang memberi sumbangan besar kepada industri teknologi di negara berkenaan dan kedudukan industri IT di rantau Asocio.

Dr Mahathir ketika mengucapkan terima kasih atas penghargaan itu, berkata beliau gembira dengan pencapaian Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana ia dapat menyediakan Malaysia untuk menghadapi era baru teknologi pada alaf akan datang.

Menurutnya, penubuhan MSC bukan saja mendapat perhatian ramai orang, malah banyak negara juga berhasrat membentuk teknologi yang sama seperti dimiliki Malaysia.

"Kita tidak boleh melakukan perkara unik setiap hari kerana itu kita perlu berkongsi pengalaman bagi memastikan pengetahuan itu berkembang," katanya.

Perdana Menteri berkata, kewujudan Internet juga menyaksikan hubungan tanpa sempadan bagi seluruh penduduk dunia.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, adalah malang apabila teknologi canggih yang boleh mendidik dan menjadikan manusia lebih baik, sering disalahgunakan.

"Mereka yang menyalahgunakan ciptaan paling mengagumkan dalam dunia ini kerana pemikiran yang rosak," katanya.

Membalas ucapan jasa yang disampaikan Presiden Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Azzman Sharifudeen, mengenai sejarah dan pembabitan Dr Mahathir dalam penubuhan MSC, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak fikir saya berhak untuk menerima anugerah ini, tetapi saya menerimanya bukan sekadar bagi pihak saya tetapi juga bagi pihak semua yang terbabit dengan penubuhan MSC."

Terdahulu, Tengku Dr Azzman ketika membaca ucapan jasa berkenaan menyifatkan Dr Mahathir sebagai tokoh dan negarawan yang mempunyai wawasan berani dalam mempromosikan IT sebagai industri pertumbuhan baru di Malaysia.

Malah, Dr Mahathir bukan saja menjadikan MSC kawasan pengeluaran teknologi tinggi yang kondusif, tetapi menawarkannya sebagai tapak ujian bagi industri IT dunia bertemu dan membuat pembaharuan.

Sebelum itu, Asocio mengadakan perhimpunan agung dan simposium tahunannya yang dirasmikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Asocio yang ditubuhkan pada 1984, dianggotai 10 negara - Australia, Indonesia, Thailand, Taiwan, Korea Selatan, New Zealand, Jepun, India, Malaysia dan Singapura.

Asocio juga mempunyai anggota bersekutu, iaitu Bangladesh, Nepal, Mongolia, Filipina dan Sri Lanka serta anggota tetamu mengandungi United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Sepanyol dan Perancis.

Sementara itu, enam kategori Anugerah IT Pikom-Computimes, akhbar sisipan New Straits Times, turut diumumkan pada majlis jamuan berkenaan.

Singer (M) Sdn Bhd memenangi kategori Pertubuhan IT Terbaik 1988 manakala Produk IT Terbaik 1988 (perkakasan) dimenangi Computer Protocol (M) Sdn Bhd; Produk IT Terbaik 1998 (perisian: aplikasi) dimenangi FCS Computer Systems Sdn Bhd dan Multicentric Technology Sdn Bhd manakala NetCard Corporation Berhad menerima anugerah Produk IT Terbaik (perisian: aplikasi berasaskan Internet).

Anugerah Laman Internet Terbaik dimenangi BRG Interactive Digital Media Sdn Bhd dan NetCard Corporation Berhad manakala Tajuk CD Multimedia Terbaik dimenangi Articulate Multimedia Sdn Bhd.

(END)